



UPM Cipta Perisian Sistem Untuk Pesawah Padi



Prof. Madya Dr. Abdul Rashid (dua dari kiri) berkongsi kejayaan dengan kumpulan penyelidikannya sambil diperhati oleh Dr. Mohd. Amin Mohd. Soom (dua dari kanan), Nik Norasma Che'Ya dan Ebrahim Jahanstiri

SERDANG, 24 Feb – Kumpulan Penyelidikan dan Pembangunan Kejuruteraan Peladangan Peris (PREFERD) Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta perisian Sistem Sokongan Keputusan Spatial (SDSS) dikenali Paddy-GIS yang merupakan peralatan bagi membantu pelaksanaan peladangan peris padi.

Penyelidikan tersebut diketuai oleh Ketua Teknologi Bio-Informasi, Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff yang berpendapat sistem SDSS itu membantu petani dan pengurus ladang menguruskan sawah padi melalui teknologi komputer.

"Melalui perisian tersebut, petani dan pengurus ladang boleh menguruskan petak tanah untuk perairan dengan menyesuaikan kandungan baja, racun kawalan dan jadual kerja.

"Pelaksanaan teknologi ini telah dibuat dengan memilih lapan petani di Tanjong Karang sebagai perintis. 70 peratus daripada mereka mengatakan ianya sangat mudah digunakan untuk aktiviti pertanian," katanya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Dr. Abdul Rashid berkata sistem berkenaan dibangunkan menggunakan Visual Basic Application dan Microsoft Access yang bertindak sebagai Sistem Pengurusan Pangkalan Data (DBMS) bagi menyimpan rekod-rekod pertanian.

"Perisian ArcGIS telah diubahsuai menggunakan Visual Basic Application (VBA) bagi memudahkan pengguna menghasilkan peta taburan baja penanaman padi.

"Akhirnya peta aplikasi baja yang terhasil bertindak sebagai pusat maklumat kepada petani, pengurus ladang dan juga pembuat keputusan yang terlibat dalam industri penanaman padi," katanya.

Beliau berkata sistem tersebut mudah dikendalikan petani tanpa mengambil masa yang lama mempelajarinya dan akan diperluaskan lebih menyeluruh pada masa akan datang.

Kata Dr. Abdul Rashid, data daripada sistem tersebut membolehkan petani dan pengurus ladang mengurangkan tugasan kerja, masa dan usaha untuk mencapai sasaran kerja dengan mempelajari teknologi komputer.

"Saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memberi inisiatif untuk petani, peladang dan persatuan petani untuk membeli perisian teknologi ini dengan sokongan kumpulan penyelidik yang akan memberi latihan," katanya.

Beliau berkata kepentingan memodenkan pertanian di Malaysia selandng dengan petani di negara maju seperti di Jepun dan Amerika Syarikat dengan memaksimumkan penggunaan tanah bagi mendapat hasil tanaman maksimum untuk jangka masa panjang.

Melalui pendekatan itu, Dr. Abdul Rashid telah memenangi Diamond Award di Pameran Ciptaan British (BIS) 2008 di London kerana ciptaannya adalah ciptaan tunggal isu alam sekitar dengan memantau penggunaan baja yang boleh dikawal melalui sistem GIS.

Projek tersebut mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Remote Sensing Agency, Department of Agriculture, Integrated Agricultural Development Area Barat Laut Selangor, Division of Agricultural Drainage and Irrigation, Drainage and Irrigation Department dan Malaysia Agricultural Research and Development Institute.



Prof. Dr. Abdul Rashid menerangkan penggunaan Sistem Sokongan Keputusan Spatial kepada para wartawan

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM